



جابتن اكام إسلام فراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(97)

Tarikh: 4 Jamadilakhir 1447
25 November 2025

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	28 November 2025 / 7 Jamadilakhir 1447
Tajuk	Ibrah Peperangan Yarmuk: Lambang Kekuatan Umat Islam

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k: Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

MSN/HebahanKhutbah

**KEPADA PENERUS JAWATANKUASA KARIAH / KHATIB / IMAM BERTUGAS
PENGUMUMAN SEBELUM AZAN PERTAMA SOLAT JUMAAT 28 NOVEMBER 2025**

**PERKARA: “KUTIPAN DERMA TABUNG BANTUAN BENCANA & KEMANUSIAAN
BAGI MUSIBAH BANJIR DI NEGERI PERAK”**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Sebagaimana para Jemaah sedia maklum, beberapa kawasan di Negeri Perak telah dilanda musibah banjir akibat hujan yang berterusan. Beberapa kawasan yang dilanda banjir telah mengakibatkan kerosakan. Justeru itu, Jabatan Agama Islam Perak telah menyarankan supaya masjid-masjid dan surau di seluruh negeri Perak menyediakan tabung khas untuk mangsa-mangsa bencana banjir negeri Perak bagi 3 minggu berturut-turut bermula pada Jumaat 28 November 2025 sehingga Jumaat 12 Disember 2025.

Jemaah sekalian amat digalakkan menghulurkan bantuan bagi membantu meringankan beban mangsa banjir. Para jemaah boleh menghulurkan bantuan kewangan melalui tabung-tabung khas yang disediakan oleh pihak masjid dan surau atau menyalurkan bantuan terus ke Akaun Tabung Bencana dan Kemanusiaan seperti butiran berikut:

Nama Bank : Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)
Nombor Akaun : 08013010091983
Nama Akaun : Tabung Bantuan Bencana Dan Kemanusiaan
Rujukan : Banjir Siri 2 (sila lampirkan di bahagian rujukan)

Marilah bersama-sama kita mendoakan supaya Allah SWT mempermudah urusan mereka yang dilanda musibah serta dikurniakan ganjaran yang besar serta digantikan kebaikan yang banyak di dunia dan akhirat.

Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.





Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"IBRAH PEPERANGAN YARMUK: LAMBANG KEKUATAN UMAT ISLAM"

28 November 2025 / 7 Jamadil Akhir 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ السَّكِينَةَ عَلَى قُلُوبِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ وَجَعَلَ الصِّيقَ عَلَى قُلُوبِ الْمُنَافِقِينَ وَالْكَافِرِينَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Bersempena bulan Jamadilakhir, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

"IBRAH PEPERANGAN YARMUK: LAMBANG KEKUATAN UMAT ISLAM"

Firman Allah SWT:

...قَالَ الَّذِينَ يَظُنُّونَ أَنَّهُمْ مُلْكُوا اللَّهَ كَرُمٌ فِتْنَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَتْ فِتْنَةٌ كَثِيرَةٌ
بِإِذْنِ اللَّهِ وَاللَّهُ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٢٤٩﴾

Bermaksud: "Orang yang meyakini bahawa mereka akan menemui Allah berkata, "Betapa banyak (yang pernah terjadi) golongan yang sedikit dapat mengalahkan golongan yang banyak dengan izin Allah. Allah (sentiasa) bersama-sama orang yang sabar."
(Surah al-Baqarah ayat 249)

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan agar bertaqwa

Peperangan Yarmuk berlaku pada bulan Jamadilakhir tahun ke-15 Hijrah, bersamaan tahun 636 Masihi di Lembah Yarmuk berdekatan sempadan Syam. Peperangan ini bertujuan menentang tentera Rom Byzantin yang ketika itu merupakan satu kuasa besar dunia.

Peperangan Yarmuk berpunca daripada penguasaan wilayah oleh tentera Islam ke atas Syam (Tanah Arab) yang ketika itu dikuasai oleh Empayar Byzantin. Penguasaan tentera Islam ini telah mengejutkan Empayar Byzantin, lalu mereka mengerahkan pasukan tenteranya untuk mengusir tentera Islam dari wilayah tersebut. Menurut catatan Ibnu Kathir, tentera Rom telah menggerakkan bala tenteranya dengan kelengkapan yang hebat dan pasukan yang besar, dianggarkan melebihi 240,000 orang; berbanding sekitar 30,000 orang tentera Islam. Mereka datang dengan niat untuk menghancurkan Islam dan mengusir umat Islam dari bumi Syam.

Melihat ancaman besar tersebut, Khalifah Umar al-Khattab RA telah mengutus panglima tentera Islam Khalid al-Walid RA, untuk menyatukan pasukan Islam dari pelbagai wilayah dan menyusun strategi pertahanan. Khalid al-Walid RA telah menyusun tentera Islam dengan penuh hikmah, membahagikan tentera Islam kepada beberapa sayap, di bawah pimpinan panglima-panglima hebat seperti Abu Ubaidah al-Jarrah, Amru al-As dan Yazid Bin Abi Sufyan.

Peperangan berlangsung selama enam hari. Tentera Islam walaupun jauh lebih kecil bilangannya, telah menunjukkan keberanian luar biasa. Mereka tidak gentar berhadapan dengan musuh yang ramai demi menegakkan panji Islam dengan penuh keyakinan kepada janji Allah SWT sebagaimana firman Nya:

...وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَن يَنْصُرُهُ ۚ وَإِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾

Bermaksud: "Dan sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong agama Nya (agama Islam). Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuat lagi Maha Perkasa."
(Surah al-Hajj ayat 40)

Dengan izin Allah SWT, tentera Islam memperoleh kemenangan. Tentera Rom mengalami kekalahan teruk dan sebahagian besar tentera mereka terbunuh. Peperangan Yarmuk bukan sekadar kemenangan ketenteraan, tetapi melambangkan kemenangan iman atas kekufuran.

Jemaah yang dimuliakan

Peperangan Yarmuk mengandungi pelbagai pengajaran berharga untuk dijadikan iktibar dalam usaha mahu membina kekuatan umat Islam pada hari ini:

Pertama: Kemenangan bersumber penentuan Allah SWT

Walaupun tentera Islam jumlahnya jauh lebih kecil berbanding tentera Rom, tetapi mereka menang kerana kekuatan iman dan keyakinan kepada janji Allah; mengingatkan kita bahawa kekuatan umat Islam tidak semata-mata bergantung pada kehebatan senjata, teknologi atau strategi, tetapi lebih utama didorong oleh kekuatan iman serta kebergantungan dan keyakinan kita kepada Allah SWT.

Kedua: Perpaduan dan disiplin adalah asas kejayaan.

Khalid al-Walid RA selaku panglima Tentera Islam berjaya menyatukan dan mendisiplinkan semua pasukan tentera Islam di bawah satu kepimpinan. Setiap sahabat berjuang bukan untuk nama peribadi, tetapi untuk mengangkat martabat Islam. Kemenangan peperangan Yarmuk tidak akan tercapai jika umat Islam ketika itu berpecah dan bertelingkah sesama sendiri; mengingatkan kita bahawa bilangan yang ramai tidak memberi apa-apa makna andai kita berpecah, lantas menjadi lemah, sebagaimana Sabda Nabi SAW:

يُوشِكُ الْأُمَمُ أَنْ تَدَاعَى عَلَيْكُمْ كَمَا تَدَاعَى الْأَكَلَةُ إِلَى قَصْعَتِهَا. فَقَالَ قَائِلٌ: وَمِنْ قِلَّةٍ نَحْنُ يَوْمَئِذٍ؟ قَالَ: بَلْ أَنْتُمْ يَوْمَئِذٍ كَثِيرٌ، وَلَكِنَّكُمْ غُثَاءٌ كَغُثَاءِ السَّيْلِ

Bermaksud: "Hampir tiba suatu masa di mana bangsa-bangsa lain akan mengerumuni kamu seperti orang yang sedang makan mengerumuni talam makanan mereka." Para sahabat bertanya: "Apakah kerana sedikitnya jumlah kami ketika itu?" Baginda menjawab: "Tidak, bahkan kamu ketika itu ramai, tetapi kamu seperti buih di lautan.

(Hadis riwayat Abu Daud)



Ketiga: Kepimpinan yang berwibawa membawa kekuatan.

Khalifah Umar Al-Khattab RA dan Khalid al-Walid RA menunjukkan contoh kepimpinan yang adil, tegas, dan amanah. Umat Islam hanya akan mencapai kemenangan apabila pemimpin dan rakyat sama-sama berpegang kepada prinsip Islam yang murni, bukan berpaksikan hawa nafsu dan kepentingan duniawi.

Keempat: Strategi dan perancangan yang bijak.

Khalid Al-Walid RA mengatur strategi yang bijak, menggunakan kedudukan geografi, angin dan medan peperangan; mengajar kita bahawa Islam menuntut umatnya untuk bijaksana, berilmu, berpengetahuan dan bersedia menghadapi setiap urusan sama ada menangani cabaran ekonomi, pendidikan atau aqidah.

Jemaah yang dikasihi Illahi,

Peperangan Yarmuk penting dalam sejarah dunia kerana bermulanya gelombang besar penguasaan Islam di negara-negara di luar jazirah Arab yang dicapai berlandaskan semangat juang yang tinggi serta kekuatan iman yang yakin kepada Allah SWT.

Mari kita merenung sejenak, apakah kita masih memiliki semangat juang yang sama dalam mempertahankan Islam pada hari ini? Atau kita telah menjadi lemah serta mudah tunduk kepada ancaman musuh? Sesungguhnya kisah Peperangan Yarmuk mengingatkan kita bahawa Islam hanya akan bangkit apabila umatnya memiliki keberanian dan keimanan yang teguh, sebagaimana semangat dan iman yang dimiliki oleh para sahabat yang berjuang di medan peperangan Yarmuk.

Jemaah Rahimakumullah

Mimbar merumuskan kesimpulan berikut:

Pertama: Setiap urusan umat Islam hendaklah dilakukan atas nama dan meletakkan keyakinan penuh kepada Allah SWT yang menjadi penentu kepada setiap kejayaan.

Kedua: Umat Islam hendaklah senantiasa bersatu kerana kesatuan yang akan menguatkan ummah.

Ketiga: Pemimpin hendaklah memiliki pengetahuan dan bijak dalam merancang strategi ketika menghadapi musuh.

Keempat: Umat Islam perlu berkorban dengan penuh keikhlasan demi menegakkan kalimah Allah.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, Satukanlah hati-hati kami sebagai umat Islam yang berpegang dengan keimanan yang jitu. Hindarilah kami daripada berpecah belah serta bersifat mementingkan diri sendiri. Tunjukkanlah kekuatan sebenar umat Islam agar tidak mudah tunduk terhadap musuh Mu.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

Ya Malikul Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.